



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
( OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA )  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
( MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA )  
JALAN CENDERASARI  
50590 KUALA LUMPUR

Telefon: 26925196  
Fax: 26911436

Ruj. Kami: (3) dlm. KKM-87 (P20/401) Bhg-6  
Tarikh: 4 Oktober 2002

PENGARAH KESIHATAN NEGERI

PENGARAH  
HOSPITAL KUALA LUMPUR

Dato' /Datin/Tuan/Puan

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 9 /2002  
GARISPANDUAN PERLAKSANAAN KLINIK RAWATAN PESAKIT SELEPAS  
WAKTU PEJABAT (KRPSWP) DI JABATAN KECEMASAN.**

**1. TUJUAN**

Tujuan garis panduan ini adalah untuk menjelaskan tatacara pelaksanaan klinik selepas waktu pejabat di jabatan kecemasan.

**2. LATARBELAKANG**

Klinik rawatan pesakit selepas waktu pejabat adalah bertujuan untuk membantu jabatan kecemasan dalam mengatasi masalah kesesakan disebabkan kes-kes tidak kritikal yang datang selepas waktu pejabat. Kajian telah menunjukkan hampir 60% dari kedatangan ke jabatan kecemasan adalah terdiri dari kes-kes tidak kritikal yang telah menyebabkan waktu menunggu yang panjang.

Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 21 Ogos 2002 telah meluluskan permohonan Kementerian Kesihatan untuk mengadakan klinik tersebut dengan bayaran insentif kepada pegawai perubatan menjalankan klinik tersebut sebanyak RM 30.00 sejam. Sebanyak 22 hospital yang disenaraikan telah dikenalpastikan untuk menjalankan klinik ini.

**3. GARISPANDUAN PERLAKSANAAN KLINIK RAWATAN PESAKIT SELEPAS WAKTU PEJABAT (KRPSWP) DI JABATAN KECEMASAN.**

Garis panduan tersebut menjelaskan perkara-perkara dibawah

- 3.1 Lokasi klinik
- 3.2 Waktu serta syif klinik dan perlepasan yang diberi
- 3.3 Jenis-jenis kes yang dilihat di KRPSWP
- 3.4 Tahap rawatan yang diberikan
- 3.5 Kelayakan pegawai perubatan yang diambil untuk klinik tersebut
- 3.6 Tatacara pendaftaran dan pemilihan termasuk jumlah maksima bilangan klinik yang dibenarkan
- 3.7 Hubungan pegawai atas tugas syif/panggilan dan pegawai perubatan di KRPSWP
- 3.8 Penubuhan jawatankuasa permantauan impak di peringkat hospital dan kebangsaan
- 3.9 Impak yang perlu dikaji semasa mesyuarat jawatankuasa permantauan.

**4. TANGGUNGJAWAB PENGARAH KESIHATAN NEGERI, PENGARAH HOSPITAL DAN KETUA JABATAN KECEMASAN**

Pengarah Kesihatan Negeri bertanggung jawab untuk menyalurkan garis panduan ini kepada hospital-hospital yang terlibat. Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah Hospital dan Ketua Jabatan Kecemasan adalah bertanggung jawab kepada pelaksanaan dan permantauan klinik rawatan pesakit selepas waktu pejabat. Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini hendaklah dirujuk kepada

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia


**5. TARIKH BERKUAT KUASA**

Garis panduan ini berkuat kuasa dari 1 Oktober 2002.

Sekian, terima kasih

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menurut perintah

  
**(TAN SRI DATU DR. HJ MOHAMAD TAHA BIN ARIF)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

sk Y. Bhg Dato Dr. Hj Ahmad Tajudin Bin Jaafar  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Y. Bhg Dato' Dr. Tee Ah Sian  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Y. Bhg Dato' Dr. Hj Mohd Ismail Merican  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan  
Teknikal)